

ABSTRACT

Career success is still a popular topic in today's research academic. People used to measure career success in objective manners such as salary and promotion, but, nowadays, most people are beginning to look at subjective component of career success as opposed to the objective components. Therefore, the goal of this study is to look at the subjective components of career success towards the demographic factors, organizational culture and social support among the women employees. The subjective career success includes sixty one items via ten constructs. There are one hundred and thirteen respondents in this study, where the focus group is the women employees from oil and gas industry as well as shipping industry. The items were adapted from the previous study regarding career success. This study was analyzed using few quantitative techniques including Chi-Square Test and Spearman Rho's Test. Based on this study, demographic factors found out to be insignificant towards women's career success. However, organizational culture and social support found out to be significant towards women's career success. Basically, this research helps women employees and human resource practitioners on how to deal with issues related to women. Therefore, future researchers can include other variables which they think might affect women's career success in order to help to provide more solutions regarding the issues related to women in the workplace.

Keywords: Subjective career success, demographic factors, organizational culture, social support

***Pengaruh Faktor Demografi, Budaya Organisasi serta Sokongan Sosial terhadap
Kejayaan Kerjaya dalam Kalangan Pekerja Wanita di Industri Minyak dan Gas serta
Industri Perkapalan di Miri, Sarawak***

ABSTRAK

Kejayaan kerjaya masih merupakan topik yang popular di kalangan pengkaji akademik pada masa sekarang. Sebelum ini, masyarakat mengukur kejayaan kerjaya mereka melalui komponen objektif seperti kadar gaji dan kenaikan pangkat, tetapi, pada hari ini, masyarakat mula mengambil kira mengenai komponen subjektif bagi kejayaan kerjaya yang bertentangan dari komponen objektif. Oleh kerana itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kejayaan kerjaya di kalangan pekerja wanita melalui komponen yang subjektif. Komponen kejayaan kerjaya yang subjektif di dalam kajian ini mempunyai enam puluh satu soalan dan telah dibahagikan dalam sepuluh konstruk yang telah diadaptasi daripada pengkaji yang terdahulu. Seramai seratus tiga belas responden daripada industri minyak dan gas serta industri perkapalan telah terlibat dalam kajian ini. Analisa kajian ini menggunakan teknik kuantitatif termasuklah Ujian Khi Kuasa Dua serta Ujian Spearman Rho'. Berdasarkan kajian ini, faktor demografi didapati tidak penting terhadap kejayaan kerjaya di kalangan pekerja wanita manakala budaya organisasi dan sokongan sosial di dapati penting dalam kejayaan kerjaya wanita. Selain itu juga, budaya konstruktif merupakan faktor paling dominan dalam kajian ini. Kajian ini dapat membantu kalangan wanita bekerjaya serta mereka yang menguruskan sumber manusia dalam menangani isu berkaitan dengan pekerja wanita. Oleh itu, pengkaji di masa akan datang dapat menggunakan faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi kejayaan kerjaya pekerja wanita supaya dapat menyumbangkan lebih banyak idea serta cara-cara untuk menangani isu berkaitan dengan kejayaan kerjaya wanita.

Kata kunci: *Kejayaan kerjaya, faktor demografi, budaya organisasi, sokongan sosial*